

# NIOSH UPDATES

## Issue 17, Volume 11, 2018



**21st CONFERENCE AND EXHIBITION ON  
OCCUPATIONAL SAFETY & HEALTH**

**SEPT. 24th - 25th, 2018 @  
Putrajaya International Convention Center (PICC)**

**COSH2018 THEME:  
"ENHANCING OSH IN NEW DIGITAL ERA"**



**Penyakit Asma Berkaitan Pekerjaan**





## 21st CONFERENCE AND EXHIBITION ON OCCUPATIONAL SAFETY & HEALTH

SEPT. 24th - 25th, 2018 @  
Putrajaya International Convention Center (PICC)

### About COSH

The Conference and Exhibition on Occupational Safety and Health is an annual event organised by NIOSH in its aim to discuss the current issues and challenges in Occupational Safety and Health. This year marked 19th celebration of the Conference & Exhibition on Occupational Safety and Health which received encouraging response since its inception.

Since it first started in 1998, the conference had served as the premiere platform for OSH professionals in Malaysia to share and update their OSH knowledge and skills to meet the dynamic changes in the Malaysian working environment. COSH 2018 brings together regulators, practitioners, expert, researchers and suppliers towards a common aspiration which is to achieve a safer and healthier workplace for all.

The National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH) is a government institution established in 1992 with a mission to help industry and commerce to improve occupational safety and health (OSH) in their respective workplaces. NIOSH core activities are training, disseminating information, engaging in

research and development (R&D) and carrying out consultancy services. As the national center for OSH, NIOSH is attracting many OSH professionals, practitioners and tertiary education students to participate in activities conducted by NIOSH.

For that reason, we are pleased to inform you that NIOSH will be organising its National Conference and Exhibition on Occupational Safety and Health (COSH 2018) on 24th to 25th September 2018 at Putrajaya International Convention Centre (PICC).

### **VISION**

To be the Leading Centre of Excellence in Occupational Safety and Health in Malaysia

### **MISSION**

To be the preferred partner in enhancing Occupational Safety & Health



## 21st CONFERENCE AND EXHIBITION ON OCCUPATIONAL SAFETY & HEALTH

SEPT. 24th - 25th, 2018 @  
Putrajaya International Convention Center (PICC)

### COSH2018 THEME: *ENHANCING OSH IN NEW DIGITAL ERA*

With the tsunami of data available to businesses these days, companies are turning to analytics solutions to extract meaning from the huge volumes of data to help improve decision making. The integration of data and predictive analytics systems capable of deciphering streams of information regarding equipment deficiencies long before they turn into failures, could promise a decline in workplace injuries and illnesses.

According to a World Economic Forum (WEF) report released at Davos last year, the world has entered the Fourth Industrial Revolution which is characterized by the growing significance of digital technology as a driving force for economic growth. This rapid change and busy environment in business and organizations also means workers will constantly be interacting and processing multiple streams of information which improves their ability to learn.

The preparation of this change requires an approach that promotes a culture of life-long learning which benefits the next generation of the global workforce. This year's conference will address these challenges as well as improving the safety and health of workers by early detection of exposures to risk, development of preventive measures and implementation of OSH systems and policies in the new digital era.

#### **Registration Fees**

NIOSH Membership/Government/Student/Speaker /Competent Person/Speaker	RM 940.00
Foreign Participant	USD 300.00

#### **Contact The Secretariat**

Tel : +603-8769 2100  
Fax : +603-8926 2900  
Email : [cosh@niosh.com.my](mailto:cosh@niosh.com.my)

# Penyakit Asma Berkaitan Pekerjaan

**RACUN** Makhluk Perosak adalah bahan yang digunakan untuk memusnah dan mengawal serangga atau tumbuhan perosak. Contoh racun makhluk perosak ialah racun parakuat, organofosfat, organoklorin, glifosat dan karbamat. Racun makhluk perosak berguna untuk mengawal makhluk perosak dan meningkatkan penghasilan pertanian tetapi ia juga berbahaya kepada manusia.

## Bagaimana keracunan boleh berlaku?

Seseorang boleh terdedah kepada keracunan racun makhluk perosak melalui tiga cara:

1. Tertelan makanan atau minuman yang dicemari racun makhluk perosak.
2. Sentuhan kulit dengan racun makhluk perosak.
3. Terhidu racun makhluk perosak.

## Pekerja yang berisiko

Siapakah pekerja yang berisiko?

Contoh pekerja yang berisiko adalah peladang atau petani, pekerja ladang atau estet dan pekerja kilang racun makhluk perosak.

## Gejala

Pendedahan kepada racun makhluk perosak boleh menyebabkan kecederaan kepada badan, antaranya seperti berikut adalah kesan sertamerta seperti sakit kepala, loya, berpeluh, kulit merengsa dan kematian dan kesan jangka masa panjang seperti tangan menggeletar, kelupaan, kurang daya ingatan, kurang daya tumpuan, kekuningan mata serta keletihan.



# Penyakit Asma Berkaitan Pekerjaan

## Komplikasi

Apakah yang paling teruk boleh terjadi akibat keracunan ini?

- Kerosakan kekal fungsi ginjal (buah pinggang), hati, paru-paru dan saraf serta kemandulan.
- Kematian.

## Rawatan

1. Rawatan kecemasan perlu diberi serta merta untuk menyelamatkan nyawa mangsa.
2. Bawa mangsa terlibat ke tempat yang selamat yang mempunyai pengudaraan yang baik seperti kawasan lapang
3. Tanggalkan pakaian yang tercemar
4. Jangan cuba memaksa pesakit untuk muntah.
5. Bersihkan bahagian tubuh atau anggota yang tercemar dengan racun makhluk perosak menggunakan air yang banyak selama 15-20 minit.
6. Hantarkan mangsa terlibat ke hospital dengan segera.
7. Jangan lupa, bawa bekas racun yang terlibat ke hospital bersama pesakit.



# Penyakit Asma Berkaitan Pekerjaan

## Pencegahan keracunan racun makhluk perosak

Bagaimanakah saya boleh mencegah kejadian keracunan racun makhluk perosak?

1. Pastikan anda tahu jenis racun makhluk perosak yang digunakan.
2. Patuhi setiap arahan pengendalian racun makhluk perosak yang dibekalkan oleh pengeluar setiap masa.
3. Amalkan teknik pengendalian yang selamat.
4. Labelkan bekas racun makhluk perosak dengan betul.
5. Simpan racun makhluk perosak di tempat yang berkunci dan berasingan dari barang-barang lain.
6. Jangan pindahkan racun makhluk perosak ke dalam bekas lain; gunakan bekas yang asal sahaja.
7. Jangan gunakan semula bekas racun makhluk perosak yang telah kosong.
8. Lupuskan semua bekas racun makhluk perosak yang kosong dengan menanam dalam tanah yang sesuai atau hantar kepada pihak tertentu yang dilantik.
9. Gunakan alat pelindung diri yang sesuai dengan cara yang betul.



# Penyakit Asma Berkaitan Pekerjaan

## Apakah amalan pengendalian yang selamat?

- \* Memakai pakaian dan peralatan pelindung diri yang sesuai.
- \* Sentiasa menggunakan sarung tangan semasa membancuh racun makhluk perosak.
- \* Jangan makan, minum atau merokok semasa mengendalikan racun.
- \* Semburan racun makhluk perosak mestilah menurut arah angin.
- \* Basuh bahagian badan yang terdedah SEGERA dan mandi selepas setiap kali mengendalikan racun.

Apakah pakaian yang sesuai dan selamat semasa mengendalikan racun makhluk perosak?

1. Baju berlengan panjang dan seluar panjang.
2. Topi
3. Apron plastik
4. Kasut/but keselamatan
5. Sarung tangan getah
6. Topeng muka
7. Kacamata pelindung mata



# Penyakit Asma Berkaitan Pekerjaan

## Pemberitahuan

Mengikut Peraturan 2004, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pemberitahuan mengenai Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan dan Penyakit Pekerjaan), adalah menjadi tanggungjawab:

### 1. Majikan

Pengamal perubatan yang merawat Untuk notikasi penyakit pekerjaan kepada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan.

### 2. Alamat perhubungan

Untuk mendapat maklumat lanjut, sila hantar e-mel ke alamat [ohealth@dph.gov.my](mailto:health@dph.gov.my)

Untuk mendapat maklumat lanjut mengenai keracunan, sila layari laman web Pusat Racun Negara.



# Environment, Health and Safety Governance and Leadership: The Making of High Reliability Organizations.

by [Waddah S. Ghanem Al Hashmi](#) (Author)

Environment, health and safety (EHS) management has become increasingly important in the past 10 years, especially within high risk and high reliability organizations. EHS is driven from the top of an organization, and whilst there has been much research on the subject of EHS leadership, there is very little on EHS governance and the director's role in leading or influencing change in organizational safety/EHS performance.

*Environment, Health and Safety Governance and Leadership: The Making of High Reliability Organizations* reviews the factors influencing safety/EHS leadership and governance and addresses all the areas where the role impacts on the performance and sustainability of organizations. Based on the author's in-depth research, the book draws on much of the best-practice standards developed by many leading organizations such as the UK Health and Safety Executive (HSE), the Institute of Directors (IoD) and the Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD).

This book provides exclusive insights and legal imperatives for practitioners and leaders to inform decision making, strategy and EHS governance, all of which can have a fundamental impact on business continuity, developing company value and the sustainability of large organizations around the world.

## Product details

- File Size:** 2569 KB
- Print Length:** 114 pages
- Page Numbers Source ISBN:** 1138888451
- Simultaneous Device Usage:** Up to 4 simultaneous devices, per publisher limits
- Publisher:** Routledge; 1 edition (September 18, 2017)
- Publication Date:** September 18, 2017
- Sold by:** Amazon Digital Services LLC
- Language:** English
- ASIN:** B075QLMDP8
- Text-to-Speech:** [Enabled](#)
- X-Ray:** [Not Enabled](#)
- Word Wise:** Enabled
- Lending:** Not Enabled
- Enhanced Typesetting:** [Not Enabled](#)
- Amazon Best Sellers Rank:** #1,631,224 Paid in Kindle Store ([See Top 100 Paid in Kindle Store](#))
- #325 in [Kindle Store](#) > [Kindle eBooks](#) > [Engineering & Transportation](#) > [Engineering](#) > [Industrial, Manufacturing & Operational Systems](#) > [Safety & Health](#)

## BOOK REVIEW



# Environment, Health and Safety Governance and Leadership: The Making of High Reliability Organizations.

by [Waddah S. Ghanem Al Hashmi](#) (Author)

## Editorial Reviews

### Review

'Dr. Waddah S. Ghanem Al Hashmi's book superbly brings together in one place the wealth of theory and practice that has developed around EHS governance and leadership in the past twenty years. His analysis of the key facets critical to success of business leaders in carrying out their EHS roles and responsibilities is founded on his thorough and exemplary review of the evidence. This book is a must read for leaders of organisations in the high and medium hazard sectors. It provides clearly and succinctly the answers to the three key questions: "What should I be doing to ensure my organisation is highly reliable; Why, and: How." As an active proponent of the importance of active and influential top level leadership over the past twenty years I am so pleased to note that Dr Al Hashmi's book answers these questions emphatically.' — *Neal Stone*, formerly Policy Director, British Safety Council

'Many catastrophic safety and environmental events in high risk industries have been attributed to lack of leadership. Dr Waddah's book makes a much-needed contribution on how senior leaders can move their organisations from high-risk to high-reliability; safeguarding workers and shareholder value in the process.' — *Teresa Budworth*, Chief Executive, NEBOSH


'The penultimate chapter was a "lightbulb moment" for me, presenting a clearer way to understand EHS governance than other models I have seen.

For those in safety leadership roles, I'd say this book is a must. After all, most of the time they will sit on (or support) a board of some description or an organisation's executive committee and can use the insights easily and quickly to obtain results in the short and longer term.' — *Richard Byrne*, CMIOSH, IOSH Magazine

### About the Author

Waddah S. Ghanem Al Hashmi is the Executive Director, Environment, Health, Safety, Security, Quality and Corporate Affairs, for the ENOC Group in Dubai, United Arab Emirates. He is the Chairman of various committees within the organization, including the Wellness and Social Activities Program, which serves over 7,000 employees. He is also the Vice Chairman of the Dubai Centre for Carbon Excellence, PJSC, "Dubai Carbon" since 2010. He is a Fellow of the Energy Institute, an Associate Fellow of the Institution of Chemical Engineers, a member of the American Society of Safety Engineers and a Member of the Institute of Directors in the UK.

## BOOK REVIEW



\*\*Book for reference only : More details of this book, please refer NIOSH Library and to browse list of collection please visit;  
<http://www.niosh.com.my>



**Headline** : Focusing on safety and health  
**Publication** : The Star  
**Date** : 04 September 2018  
**Page** : 08

## Focusing on safety and health

### Niosh: Commuting accidents have increased by 20.46% in five years

THE Government's efforts to turn Malaysia into a developed nation would be meaningless if we do not succeed in reducing the number of accidents involving workers, National Institute of Occupational Safety and Health (Niosh) chairman Tan Sri Lee Lam Thye said.

He said the National Day celebration should also be an occasion to remind all Malaysians to be fully conscious of the need to keep themselves safe at all times so that they could continue to contribute to the nation.

"Celebrating our independence will only be meaningful if the people value their lives and do their part to reduce the number of accidents, especially commuting accidents," he said after launching the Jalur Gemilang flag-raising campaign at Niosh headquarters in Bangi.

Lee said Niosh would focus on creating awareness of industrial and commuting accidents as part of its two-week National Day and Malaysia Day celebrations this year.

He said all parties should play their role effectively because preliminary figures from the Social Security Organisation (Socso) showed an increase of 6.4% in the number of commuting accidents from 31,314 cases in 2016 to 33,319 cases in 2017.

More worrying, there was a 20.46% increase over a period of five years from 2013 to 2017.

At the same time, he said industrial accidents also increased by 3.84% to 36,661 cases last year, compared to 35,304 cases in 2016.

Over a five-year period between 2013 and 2016, the number of industrial accidents increased



Lee (middle) launching Niosh's two-week National Day and Malaysia Day celebrations at its headquarters in Bandar Baru Bangi.

by 2.12%.

Overall, he added that the number of accidents reported to Socso had increased by 5% to 69,980 cases last year, compared to 66,618 cases in 2016.

"Over the past year, a total of 924 deaths were also reported, comprising 257 industrial accidents and 667 commuting accidents," he said.

Lee stressed that focus should be given to motorcyclists and pillion riders as a study conducted by Socso and Universiti Teknologi Mara showed the group represented 76.9% of the victims of commuting accidents.

"In 2017, the amount spent by

Socso on commuting accidents that involved death, disability and injury was between RM600mil and RM800mil," he said.

Lee added that employers should educate their workers on defensive driving, relevant laws and how to maintain their vehicles so as not to cause any problems on the road.

"This is very important because 52% of the accidents occurred when workers were travelling to their workplaces, with more than 55% of them happening within 5km of the workplace," he said.

Lee said the increase would affect efforts to reduce workplace accident rate to 2.53 per 1,000 workers and industrial death rate

to 4.36 per 100,000 employees by 2020, as set under the OSH Master Plan 2016-2020.

Workplace accident rate per 1,000 workers has slightly increased to 2.88 in 2016 compared to 2.81 in 2015. In 2006, workplace accident rate was 4.77 per 1,000 workers.

To help minimise commuting accidents, Lee said Niosh had been conducting safe riding and defensive driving courses for workers every year.

Over the past five years, about 5,000 employees have participated in the programme which was held under a cooperation between Niosh and Socso.

**Headline** : **Audit bangunan lebih 20 tahun**  
**Publication** : **Harian Metro**  
**Date** : **03 September 2018**  
**Page** : **65**

**Kuala Lumpur**

## Audit bangunan lebih 20 tahun

Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) meminta pihak berkuasa mengambil tindakan tegas terhadap pemilik premis di seluruh negara yang beroperasi tanpa sijil perakuan bomba (FC) ditetapkan mengikut Perintah Perkhidmatan Bomba 1998.

Pengerusi NIOSH Tan Sri Lee Lam Thye berkata, tindakan tegas perlu diambil berikutan ada premis tanpa FC dijadikan pusat beli-belah, hotel atau rumah, selain digunakan sebagai pejabat, sekali gus tidak selamat diduduki atau

dikunjungi orang ramai.

Katanya, pihak berkuasa perlu menjalankan audit keselamatan secara berkala bagi setiap bangunan baru dan audit tahunan bagi setiap bangunan berusia lebih 20 tahun di negara ini.

“Baru-baru ini, media melaporkan sebanyak 2,845 premis melebihi 10 tingkat di negara ini tidak memiliki sijil FC dan mengejutkan ada antaranya dijadikan hotel, pusat beli-belah dan pejabat,” katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

*Newspaper Cutting*

**Headline** : Ambil tindakan premis tiada FC: NIOSH  
**Publication** : Berita Harian  
**Date** : 03 September 2018  
**Page** : 19

# Ambil tindakan premis tiada FC: NIOSH

BH 19 3/9/18

**Kuala Lumpur:** Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) meminta pihak berkuasa mengambil tindakan tegas terhadap pemilik premis di seluruh negara yang menjalankan operasi tanpa sijil perakuan bomba (FC) ditetapkan mengikut Perintah Perkhidmatan Bomba 1998.

Pengerusinya, Tan Sri Lee Lam Thye, berkata tindakan itu perlu berikutan ada premis tanpa FC dijadikan pusat beli-belah, hotel atau rumah, selain kawasan pejabat, sekali gus tidak selamat diduduki atau dikunjungi orang ramai.

Katanya, pihak berkuasa perlu menjalankan audit keselamatan secara berkala bagi setiap bangunan

baharu dan audit tahunan bagi setiap bangunan berusia lebih 20 tahun di negara ini.

“Baru-baru ini, media melaporkan 2,845 premis melebihi 10 tingkat di negara ini tidak memiliki sijil FC dan mengejutkan ada antaranya dijadikan hotel, pusat beli-belah dan pejabat.

“Kebanyakan bangunan tiada FC itu kerana tidak memenuhi spesifikasi teknikal keselamatan seperti tidak mempunyai laluan penyelamatan diri, selain tidak dilengkapi kemudahan dan alat pencegahan, perlindungan serta penentang kebakaran,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

## Audit keselamatan

Lam Thye berkata, audit kesela-

matan dijalankan perlu membatik pemeriksaan menyeluruh pendawaian elektrik di bangunan dan kemudahan yang ada bagi mengenal pasti tahap keselamatan termasuk bahaya kebakaran berpunca daripada faktor pendawaian.

“Pemeriksaan itu termasuk mengenal pasti bahaya kebakaran berpunca daripada pendawaian lama dan bahan binaan mudah terbakar.

“Selain itu, audit itu perlu mengenal pasti kelemahan aspek keselamatan bangunan dan kemudahan yang ada supaya tindakan segera dapat diambil pemilik untuk memperbaikinya,” katanya.

Beliau berkata, punca kebakaran membabitkan masalah ber-

kaitan elektrik yang paling banyak direkodkan di negara ini iaitu 5,300 kes sejak tahun 2014 hingga 2016.

Katanya, menerusi statistik dikeluarkan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), 877 kes kebakaran akibat masalah elektrik dilaporkan dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun lalu.

“Kita sedia membantu meningkatkan kesedaran aspek keselamatan di premis kerajaan dan swasta, malah bagi pemilik premis mahu melaksanakan audit keselamatan, NIOSH menerusi anak syarikatnya, NIOSH Certification Sdn Bhd mempunyai kepakaran melakukannya mengikut standard tempatan serta antarabangsa,” katanya.



Punca kebakaran membabitkan masalah berkaitan elektrik yang paling banyak direkodkan di negara ini iaitu 5,300 kes sejak tahun 2014 hingga 2016”

**Lee Lam Thye,**  
Pengerusi NIOSH

*Newspaper Cutting*

**Headline** : Lee: 2,845 high-rise building do not have fire certificate  
**Publication** : New Straits Times  
**Date** : 03 September 2018  
**Page** : 12

'ANNUAL AUDIT NEEDED'

NST 12 3/9/18

# Lee: 2,845 high-rise buildings do not have fire certificate

**KUALA LUMPUR:** Urgent action must be taken against individuals or quarters using premises for commercial purposes without obtaining a fire certificate (FC) as required under the Fire Services Act 1988.

National Institute of Occupational Safety and Health (Niosh) chairman Tan Sri Lee Lam Thye said 2,845 premises of more than 10-storey high in the country had no FC.

Lee said they included hotels, houses, offices and shopping malls.

"Among the reasons they did not get FC is the failure to meet technical safety specifications, such as a lack of fire exits and firefighting equipment," he said yesterday.

He urged the authorities and owners of the premises to conduct periodic safety audits, which involved inspection of electrical wiring in buildings and facilities.

He said an annual audit must be carried out on buildings of more than 20 years old.

"The authorities need to identify the level of safety, including fire hazards, which might be caused by old wiring and flammable building materials.



Tan Sri Lee Lam Thye

"The audit must identify safety weaknesses of buildings and facilities.

"This will enable owners of the buildings and facilities to improve safety on the premises."

Lee said wiring and electricity problems topped the list of causes of fire, with more than 5,300 cases recorded from 2014 to 2016.

He said statistics by the Fire and Rescue Department showed that 877 similar cases were reported in the first seven months of last year.

"Our subsidiary, Niosh Certification Sdn Bhd, can carry out security audits."

Newspaper Cutting



**Headline** : Kawal risiko elak nahas tapak binaan  
**Publication** : Berita Harian  
**Date** : 04 September 2018  
**Page** : 17

# Kawalan risiko elak nahas tapak binaan

➔ 14.7 kematian bagi setiap 100,000 pekerja dilapor

Oleh **Suhaila Shahrul Annuar**  
cnews@nstp.com.my

Putrajaya

Pemaju dan kontraktor pembinaan perlu menitikberatkan aspek keselamatan di tapak bina memandangkan sektor itu mencatatkan kadar kemalangan maut di tempat kerja tertinggi dengan 14.7 kematian bagi setiap 100,000 pekerja.

Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Ir Omar Mat Piah, berkata sepanjang tahun lalu sebanyak 183 kematian direkodkan di tapak pembinaan dengan penyebab kematian biasanya akibat terjatuh dari tempat tinggi atau struktur binaan jatuh.

Katanya setakat ini, terdapat kira-kira 15,000 tapak pembinaan berstatus aktif di seluruh negara yang membabitkan pelbagai skala

projek pembinaan.

"Ia termasuk untuk kemudahan pengangkutan awam dan hartanah membabitkan bangunan pencakar langit yang pastinya boleh mengundang kemalangan jika aspek keselamatan diabaikan.

"Kemalangan boleh berlaku atas dua faktor utama, iaitu amalan tidak selamat dan keadaan tidak selamat di kawasan tempat kerja.

"Justeru pemaju, kontraktor dan pekerja perlu mengelakkan semua ini ke arah mewujudkan suasana selamat dan kawalan risiko peringkat tertinggi di tapak binaan.

"Kaedah kawalan risiko mengikut hierarki yang betul juga perlu ke arah pematuhan konsep keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) merangkumi beberapa elemen iaitu penghapusan, penggantian, pengawalan kejuruteraan, pengawalan pentadbiran dan alat pelindung diri (PPE).

"Keselamatan dan kesihatan di



Omar (tiga dari kanan) menjalankan Operasi Khas Cegah Jatuh di Industri Pembinaan dengan mengadakan lawatan mengejut ke tapak pembinaan sekitar Kuala Lumpur.

tempat kerja bukan hanya mengenai alat pelindung diri seperti topi keselamatan dan but, sebaliknya ia lebih daripada itu," katanya kepada NSTP di sini, baru-baru ini.

## CDM kurangkan kadar nahas

Kata Omar, JKPP melaksanakan pelbagai inisiatif bagi mengurangkan kadar kemalangan di tapak bina, termasuk menyediakan Garis Panduan Reka Bentuk dan Pengurusan Binaan (CDM).

"Garis panduan berkenaan menggariskan pelbagai perkara membabitkan semua pihak dalam industri itu, termasuk pemaju dan arkitek dalam tanggungjawab merancang dan menyediakan pelan keselamatan setiap projek yang dilaksanakan.

"Jika sebelum ini tanggungjawab itu hanya diletakkan kepada kontraktor atau sub kontraktor, tetapi dengan garis panduan baharu itu semua pihak akan dibabitkan," katanya.

Fakta  
nombor

**183** KES  
kematian tapak  
binaan tahun lalu

**15,000**  
LOKASI  
tapak binaan  
berstatus aktif

[FOTO ROHANIS SHUKRI / BH]

"Peraturan atau garis panduan CDM ini diamalkan di beberapa negara maju, termasuk United Kingdom (UK) selain negara jiran kita, Singapura dalam amalan keselamatan dan kesihatan industri pembinaan.

"JKPP juga sedang merangka draf untuk meminda Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 supaya ia selari dengan keadaan semasa selain bagi memberi tanggungjawab kepada semua pihak yang terbabit di tapak pembinaan, termasuk pemaju dan arkitek sekiranya berlaku kegagalan pematuhan terhadap akta berkenaan," katanya.

Omar berharap Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) yang diperkenalkan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) bakal mentransformasi sektor pembinaan negara serta mampu melonjakkan industri itu setanding dengan negara maju.

**Headline** : Pelajar rebah atas padang  
**Publication** : Harian Metro  
**Date** : 06 September 2018  
**Page** : 16



JENAZAH Mohammad Fais diusung masuk ke dalam van jenazah di perkarangan Unit Forensik HTJS.

# Pelajar rebah atas padang

■ Serangan jantung ketika main bola sepak

**Khairul Najib Asarulah Khan**  
 knews@nstp.com.my

**Seremban**

Seorang pelajar tingkatan empat, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bandar Baru Sri Sendayan di sini, meninggal dunia selepas tiba-tiba rebah ketika bermain bola sepak di padang sekolah berkenaan, petang kelmarin.

Mohammad Fais Ali Ahmad, 16, yang dikejarkan ke Hospital Tuanku Ja'afar (HTJ) di sini, disahkan meninggal dunia oleh doktor sebaik tiba di hospital itu.

Bapanya, Ali Ahmad Mohd Jaleed, 60, berkata dia mengetahui kejadian menerima anak bongsu dari

pada tiga beradik itu selepas dihubungi guru pada jam 3.45 petang.

"Saya menerima panggilan daripada guru memberitahu Mohammad Fais gegas ke sekolah tetapi dia sedang diangkat masuk ke dalam ambulans.

"Sebaik tiba di HTJ, doktor mengesahkan dia sudah meninggal dunia," katanya ketika ditemui di perkarangan Unit Forensik HTJ di sini, semalam.

Menurutnya, setiap hari sebelum turun ke sekolah, Mohammad Fais akan mencium pipinya dan tidak menyangka pagi kelmarin adalah ciuman terakhir diterimanya.

"Dia seorang anak yang baik dan kami sekeluarga amat terasa kehilangannya, namun reda dengan ketentuan Allah," katanya.

Katanya, anaknya itu tidak mempunyai masalah jantung sebelum ini.

Bagaimanapun katanya, dia terkejut apabila timbul berita disebarkan melalui WhatsApp yang mendakwa kematian Mohammad Fais dikaitkan dengan strok haba.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (JPNS) Maznah Abu Bakar berkata, bedah siasat mengesahkan punca kematian Mohammad Fais ialah serangan jantung.

Katanya, dia difahamkan kejadian berlaku dalam tempoh beberapa minit ketika perlawanan bola sepak baru bermula.

"Mohammad Fais tiba-tiba rebah dan tidak sedarkan diri. Ketika itu, dia masih bernafas dan guru sempat memberi bantuan pertolongan cemerlang (CPR) sebelum menghubungi ambulans.

"Namun dia disahkan meninggal dunia ketika mendapatkan rawatan di hospital," katanya yang turut berada di Unit Forensik hospital itu, semalam.

Menurutnya, pelajar terlibat seorang yang aktif kerana seorang atlet sekolah.

"Ketika kejadian, cuaca juga dalam keadaan baik iaitu tidak terlalu panas.

"Orang ramai tidak seharusnya membuat sebarang spekulasi mengatakan ia berpunca daripada strok haba," katanya.



**"Ketika kejadian, cuaca baik iaitu tidak terlalu panas Maznah"**

**Headline** : 6 pedih mata terkena ammonia  
**Publication** : Harian Metro  
**Date** : 08 September 2018  
**Page** : 03



ANGGOTA bomba memeriksa kebocoran pada paip.

**Sungai Siput**

HM 3  
8/9/18

## 6 pedih mata terkena ammonia

Enam pekerja kilang pedih mata dan dihantar ke Hospital Sungai Siput susulan kebocoran gas ammonia sebuah kilang ais di Taman Muhibbah di sini, semalam.

Jurucakap Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Sungai Siput berkata, pihaknya menerima maklumat mengenai kebocoran gas itu pada jam 12.28 tengah hari.

Menurutnya, sebaik tiba di lokasi kejadian pihaknya mendapati berlaku

kebocoran gas ammonia pada paip sedang diselenggara sebuah kilang ais di kawasan berkenaan.

"Bomba turut dimaklumkan terdapat enam mangsa iaitu pekerja kilang bersebelahan kilang ais berkenaan mengalami gatal-gatal pada bahagian mata.

"Semua mangsa bagaimanapun sudah dihantar ke hospital oleh pihak kilang untuk mendapatkan rawatan," katanya ketika dihubungi.

Newspaper Cutting

<b>Headline</b>	: Memastikan Taman Negara terus dikunjungi
<b>Publication</b>	: Utusan Malaysia
<b>Date</b>	: 06 September 2018
<b>Page</b>	: 06

# Memastikan Taman Negara terus dikunjungi

um 6 6/9/18



**M**ENIKMATI keindahan alam semula jadi merupakan terapi yang amat baik apatah lagi jika kita berpeluang melawat Taman Negara yang merupakan warisan alam yang menjadi pilihan pelancong asing.

Walaupun nasib tidak menyebelahi saya kerana tidak berpeluang melihat haiwan besar seperti tapir dan gajah di habitat semula jadi mereka, saya tetap berasa teruja apabila dapat melihat kongkang dan tupai terbang di waktu malam.

Tidur malam saya turut terganggu apabila bunyi kuat kedengaran di atas bumbung *chalet* saya, dipercayai datang daripada kera atau musang yang berkeliaran di waktu dinihari.

Saya juga berpeluang melihat rautan ikan air tawar bersaiz besar termasuk kelah merah bersaiz besar bermain riang di santuari kelah di Lubuk Tenor, Sungai Tahan.

Ketika menyertai program tiga hari anjuran bersama Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) dan Tourism Pahang itu, saya berpeluang berjalan di atas titian kanopi Taman Negara, yang didakwa terpanjang di dunia. Saya seharusnya mendapat sijil penghargaan kerana mampu menamatkan perjalanan mencabar walaupun telah mencapai usia 72 tahun.

Selain itu, saya juga 'berjaya' melihat gajah daripada dekat apabila melawat kemudahan di Santuari Gajah di Kuala Gandah.

Keindahan semula jadi ini sebenarnya tidak akan dapat dinikmati oleh kita semua jika soal keselamatan diabaikan. Sebenarnya lawatan NIOSH ke Taman Negara bukan semata-mata untuk menikmati keindahan alam tetapi bertujuan menimbulkan kesedaran mengenai aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) dalam kalangan mereka yang terlibat dalam industri pelancongan.

Dengan sokongan pihak Tourism Pahang, NIOSH turut berjaya mengadakan dialog KKP dengan wakil-wakil agensi kerajaan dan mereka yang terlibat dalam in-

dustri pelancongan di Kuala Tahan dan Taman Negara.

Berdasarkan maklum balas yang diterima ketika dialog tersebut, boleh dikatakan semua yang terlibat sedar akan kepentingan aspek keselamatan dan berlitizam untuk meningkatkannya.

Lebih membezakan apabila persatuan yang mewakili pemandu pelancong yang kebanyakannya terdiri daripada golongan muda amat berminat untuk menyertai latihan yang mampu meningkatkan kemahiran mereka dalam bidang KKP.

Sebenarnya, insiden yang menyebabkan kecederaan atau kematian dalam sektor pelancongan sudah tentu akan menjejaskan nama baik negara selain mereka yang terlibat dalam bidang pelancongan.

Kejadian seperti lemas di kawasan rekreasi atau bot karam sebagai contoh, sudah pasti akan menimbulkan kebimbangan dalam kalangan pelancong dan keluarga yang terlibat.

Apatah lagi jika ia melibatkan pelancong asing kerana berita mengenai tragedi tersebut akan tersebar luas dan berpotensi menjejaskan kedatangan pelancong asing ke dalam negara.

Saya percaya isu ini amat penting bagi Malaysia yang mempunyai pelbagai destinasi menarik yang sering dikunjungi pelancong.

Insiden yang menyebabkan kecederaan dan kematian pelancong tempatan dan luar negara

menjadi peringatan kepada mereka di dalam industri pelancongan mengenai kepentingan aspek KKP.

Pengurusan KKP dalam industri pelancongan sangat penting kerana ia bukan sahaja akan membawa kesan positif kepada aspek keselamatan dan melindungi pekerja tetapi juga untuk para pelancong.

Memandangkan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya ingin membawa lebih ramai pelancong sempena Tahun Melawat Malaysia 2020, adalah penting untuk memastikan amalan KKP yang baik dilaksanakan dalam industri pelancongan.

Tahun Melawat Malaysia 2020 merupakan satu misi nasional untuk melonjakkan nama Malaysia sebagai *Top of Mind Destination* dengan sasaran ketibaan pelancong seramai 36 juta orang dan sasaran pendapatan sebanyak RM168 bilion.

Industri pelancongan Malaysia merupakan antara penyumbang utama kepada sektor perkhidmatan negara dengan sumbangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNG) sebanyak 14.8 peratus atau RM182.4 bilion.

Industri ini juga merupakan penyumbang ketiga terbesar dengan sumbangan bernilai RM73.3 bilion kepada Pendapatan Negara Kasar.

Di samping itu, guna tenaga industri pelancongan juga telah mencatatkan rekod tertinggi iaitu seramai 3.2 juta orang iaitu sebanyak 22.7 peratus daripada jumlah guna tenaga keseluruhan pada tahun 2016.

Bagi mendapatkan kepercayaan pelancong tempatan dan asing, semua pihak yang terlibat dengan industri pelancongan dan hospitaliti perlu memahami dan mengamalkan budaya KKP yang baik di tempat kerja kerana ia juga penting untuk keselamatan orang ramai.

Agensi berkaitan serta mereka yang menyediakan kemudahan untuk pelancong mesti melakukan audit keselamatan secara kerap dan menyeluruh bagi memastikan semua kemudahan yang disediakan selamat sepanjang masa manakala kemalangan pula dapat dicegah.

Pihak berkuasa juga harus memastikan bahawa setiap operator mempunyai pelan kecemasan untuk menyelamatkan para pelancong dan kakitangannya jika kemalangan berlaku di tempat mereka.

Operator terbabit juga harus melaksanakan latihan keselamatan atau evakuasi sebagai sebahagian daripada rancangan pengurusan KKP mereka agar semua kakitangan bersedia untuk menghadapi sebarang jenis kecemasan.

Masanya telah tiba bagi semua pihak yang terlibat dalam industri pelancongan dan hospitaliti untuk mengambil serius mengenai kemalangan yang turut melibatkan pelancong dan orang ramai.

Saya percaya pengurusan KKP yang baik memainkan peranan penting dalam industri hospitaliti dan pelancongan kerana ia mampu mengelakkan kemalangan.

Kemungkinan berlakunya kemalangan sebenarnya boleh dikurangkan jika kita melaksanakan kerja dengan berhati-hati serta menjadikan amalan kerja yang baik sebagai sebahagian daripada budaya kita.

Penekanan terhadap aspek keselamatan mestilah dijadikan nilai teras bagi majikan dan pekerja dalam industri pelancongan dan hospitaliti.

Keselamatan dan kesihatan pekerjaan perlu diubah menjadi budaya kita dan bukan semata-mata diterima sebagai satu keutamaan.

Ia dapat memastikan industri pelancongan dan mereka yang terlibat kekal selamat dan sihat manakala pelancong tempatan dan asing dapat terus menikmati keindahan alam semula jadi tanpa perasaan bimbang atau ragu.

TAN SRI LEE LAM THYE ialah Pengerusi NIOSH.

Malaysia Cutting

**Headline** : Mati dikepit kepala lori  
**Publication** : Harian Metro  
**Date** : 07 September 2018  
**Page** : 71

>> **Mangsa disahkan maut di tempat kejadian diserahkan kepada polis sebelum mayat dibawa ke HTJ untuk dibedah siasat**

07-09-2018

setempat 71

HARIAN METRO

Khairul Najib Asarulah Khan  
cnews@nstp.com.my

# Mati dikepit kepala lori

Seremban

■ **Kemalangan berlaku ketika mangsa sedang memeriksa enjin kenderaan**

**M**alang tidak berbau apabila seorang pemandu lori maut akibat tersepit ketika memeriksa bahagian enjin lorinya di sebuah syarikat pengangkutan di Jalan Haruan, Kawasan Perindustrian Oakland, Seremban 2, di si-

ni, semalam.

Ketua Operasi Balai Bomba dan Penyelamat Seremban 2, Pegawai Bomba Kanan 2 Munawir Md Yusof berkata, pihaknya menerima panggilan pada jam

11.25 pagi dan mengerahkan sebuah jentera bersama enam anggota ke lokasi kejadian.

Katanya, sebaik tiba, tujuh minit kemudian pihaknya mendapati mangsa, Ng Koor

Min, 66, dalam keadaan tersepit dan tidak sedarkan diri.

"Pihak kami mengambil masa lima minit untuk mengeluarkan mangsa yang cedera di kepala.

"Kejadian dipercayai berlaku ketika mangsa sedang memeriksa bahagian enjin lori berkenaan sebelum kepala lori itu terjatuh lalu menghempap mangsa," katanya ketika dihubungi.

Menurutnya, mangsa yang disahkan maut di tempat kejadian diserahkan kepada pihak polis sebelum mayat dibawa ke Hospital Tuanku Ja'afar (HTJ) untuk dibedah siasat.

Newspaper Cutting

**Headline** : Azab tersepit mesin pengisar  
**Publication** : Kosmo  
**Date** : 08 September 2018  
**Page** : 03



ANGGOTA bomba mengeluarkan tangan mangsa yang tersepit.

**Taiping**

### **Azab tersepit mesin pengisar**

Seorang wanita terpaksa menahan azab hampir dua jam selepas tangan kanannya tersepit dalam mesin pengisar kacang di sebuah kilang di Kawasan Perindustrian Ringan Tupai di sini, pagi semalam.

Tangan mangsa berusia 43 tahun itu dikeluarkan pada jam 11.55 pagi oleh pasukan bomba dari Balai Bomba

dan Penyelamat (BBP) Taiping.

“Bomba membuka mesin terbabit dan mengeluarkan mata pengisar dengan menggunakan pemotong hidraulik.

“Mangsa dihantar ke hospital menggunakan ambulans untuk mendapatkan rawatan lanjut,” katanya.

*Newspaper Cutting*



**Headline** : Pelajar maut kena timpa tiang gol  
**Publication** : Berita Harian  
**Date** : 08 September 2018  
**Page** : 19

# Pelajar maut kena timpa tiang gol

➔ Mangsa cuba bangun, namun rebah selepas berjalan beberapa langkah

**Oleh Mohammad Ishak**  
 cnews@nstp.com.my

## Jertih

**P**elajar Madrasah Moden Maidam, Ahmad Muazz Naimullah Mohd Azhar, 14 meninggal dunia selepas ditimpa tiang gol dalam kejadian di Padang Landak, di sini, semalam. Ahmad Muazz Naimullah meninggal dunia ketika dalam perjalanan ke Hospital Besut.

Difahamkan, kejadian kira-kira

jam 11 pagi itu berlaku, pelajar berkenaan sedang bermain bola dalam pertandingan bola sepak lapan sebelah anjuran madrasah berkenaan.

### Palang gol patah

Ketua Polis Daerah Besut, Superintendan Mohd Zamri Mohd Rowi, berkata sebelum kejadian, mangsa dikatakan sedang bergayut pada palang gol.

“Tindakan remaja berkenaan bergayut menyebabkan palang gol patah dan menyimpannya.

“Mangsa kemudian cuba mengangkat palang gol itu tetapi gagal,” katanya, semalam.

Beliau berkata, tidak lama kemudian Ahmad Muazz berjaya melepaskan diri dan cuba berjalan, namun selepas beberapa langkah, dia rebah.

“Seorang guru cuba menyelamatkannya dan segera membawa mangsa ke Hospital Besut. Namun, mangsa meninggal dalam perjalanan. Jenazahnya kemudian dibawa balik keluarganya di Kampung Sura, Dungun,” katanya.



Ahmad Muazz Naimullah Mohd Azhar

## KES KEMATIAN AKIBAT DIHEMPAP TIANG GOL

12 JULAI 2016	5 APRIL 2014	3 NOVEMBER 2011	18 SEPTEMBER 2011	4 MAC 2000	10 MAC 2000	26 APRIL 2000
Pelajar Tingkatan Dua Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Indera Petra 2 (SMKTIP2), Nik Mohd Lutfi Nik Kamarudin, maut akibat kecederaan parah di kepala selepas dihempap tiang gol yang tumbang di padang sekolah, dekat Gua Musang, Kelantan.	Ahmad Ilham Fikri Ahmad Zaki, 8, maut selepas dihempap tiang gol yang tiba-tiba tumbang ketika sedang beriadah di dua lagi adik beradiknya di padang permainan Taman Sri Wangsa, Batu Pahat, Johor.	Mohd Khairi Iskandar Oznek, murid tahun dua Sekolah Kebangsaan Kepala Batas maut ditimpa tiang gol bola jaring yang tumbang ketika dia dan empat rakan cuba cuba mendirikan tiang gol itu yang dibaringkan di atas tanah oleh pihak sekolah untuk kerja-kerja baik pulih padang.	Pelajar tahun lima Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Jawa 2, Klang, Muhammad Fakhru Amin Abdul Rahman maut akibat dihempap tiang gol ketika bermain bola sepak di padang SK Kampung Jawa 1.	Pelajar tingkatan dua Sekolah Menengah Triang, R Vijayan maut akibat dihempap tiang gol di sekolahnya yang tumbang kerana terkena bola.	Julli Sari Osman, 17, mati ditimpa tiang gol semasa dia dan dua rakannya sedang bergayut pada tiang gol ketika memanaskan badan untuk latihan sukan di Sekolah Menengah Muadzam Shah, Rompin, Pahang.	Pelajar tingkatan dua Sekolah Menengah Sains (SMS) Tengku Abdullah, Khairul Rohaidy mati ketika cuba mengalihkan tiang cuba bersama rakan.

Newspaper Cutting